



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TANAH ARAS 9, BLOK 4G2,
MENARA WISMA TANI , PRESINT 4
NO. 30, PERSIARAN PERDANA,
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88703489/3219 Fax : 03 – 88884326 Laman Web : <http://www.doa.gov.my>

Jenis Peta/Dokumen Geospasial Terperingkat:

.....
.....

AKU JANJI PEROLEHAN PETA/DOKUMEN GEOSPASIAL TERPERINGKAT

Saya berjanji:

1. Saya akan menyimpan dokumen geospasial terperingkat di tempat berkunci dan tidak membenarkan orang-orang yang tiada kebenaran menggunakannya. Saya mengetahui bahawa dokumen geospasial tersebut adalah bahan terperingkat dan menjaganya mengikut peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta mematuhi segala syarat dan peraturan mengikut Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2007 Arahan Keselamatan Dokumen Geospasial Terperingkat.
2. Pihak saya atau mana-mana pihak tidak akan menyalin, mencetak atau menghasilkan salinan yang mengandungi atau berasaskan kepada dokumen geospasial tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.
3. Dokumen geospasial yang dibekalkan adalah untuk kegunaan sendiri dan tidak boleh diberi atau diedarkan kepada pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.
4. Dokumen geospasial tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan lain tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.
5. Saya tidak akan membuat sebarang pindaan atau manipulasi ke atas dokumen geospasial yang dibekalkan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.
6. Encik/Puan/Cik.....
..... No. Kad Pengenalan adalah dibenarkan memungut dan mengesahkan penerimaan peta/dokumen geospasial terperingkat daripada Jabatan Pertanian, Semenanjung Malaysia seperti yang disenaraikan di atas bagi pihak
.....

SYARAT - SYARAT PENGGUNAAN PETA/DATA GEOSPATIAL TERPERINGKAT

1. Setiap dokumen geospasial yang diperolehi daripada Jabatan ini, perlu diberi penghargaan (*acknowledgement*) iaitu sebagai sumber maklumat dengan menyatakan nama Jabatan Pertanian Malaysia seperti contoh berikut:

"SUMBER : JABATAN PERTANIAN MALAYSIA 2022."

2. Pemohon perlu memberikan satu (1) naskah salinan laporan atau tesis yang telah siap kepada Jabatan Pertanian Malaysia.
3. Pemohon perlu memberikan satu (1) salinan peta bagi sebarang tambah nilai yang telah dilakukan ke atas Dokumen Geospasial Terperingkat Jabatan Pertanian Malaysia.
4. Saya berjanji akan mematuhi Aku Janji dan Syarat Penggunaan Dokumen Geospasial Terperingkat. Sekiranya saya ingkar, saya sedia maklum tindakan sewajarnya akan dikenakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

Tandatangan Pemohon

Tarikh

Nama Pemohon :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Agensi/Jabatan :

Perhatian

- i. Permohonan hanya boleh dibuat oleh Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha / Ketua Penolong Setiausaha / Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah / Penolong Ketua Pengarah / Ketua Jabatan Negeri / Timbalan Ketua Jabatan Negeri / Dekan Fakulti / Pustakawan Institusi Pengajian Tinggi / Pengarah / Pengurus*
- ii. Jabatan Pertanian Malaysia atau kerajaan Malaysia tidak sekali-kali boleh dipertanggungjawabkan atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kerugian , kehilangan, kerosakan, pengurangan mutu atau kualiti , termasuk tanpa batasan, kerugian khusus, tidak langsung atau berbangkit yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan atau kebergantungan kepada bahan pemetaan, sama ada melalui tindakan dalam kontrak atau tort atau selain daripadanya tidak kira bagaimana jua sekalipun.*